

TERASIN TABLET

Terazosin 2mg, 5mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TERASIN TABLET
2. Bagaimana TERASIN TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan TERASIN TABLET
4. Cara menggunakan TERASIN TABLET
5. Semasa menggunakan TERASIN TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TERASIN TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan TERASIN TABLET

TERASIN TABLET digunakan untuk merawat hiperplasia prostat benigna (keadaan pembesaran kelenjar prostat). Ia juga digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

Bagaimana TERASIN TABLET berfungsi
Terazosin adalah agen kimia yang dapat memperbaiki aliran air kencing melalui pengenduran otot licin di leher pundi kencing dan prostat. Ia mengurangkan tekanan darah dengan menghalang peningkatan rintangan periferal dalam pesakit hipertensi. Walau bagaimanapun, terazosin tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas parás *prostate-specific antigen (PSA)*. PSA adalah sejenis protein yang dihasilkan oleh sel-sel kelenjar prostat.

Sebelum Mengambil TERASIN TABLET

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil TERASIN TABLET jika anda alergik terhadap bahan dalam TERASIN TABLET.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan. Pesakit patut diperiksa supaya tidak mempunyai karsinoma prostat sebelum rawatan menggunakan TERASIN TABLET.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat atau ubat-ubat tanpa preskripsi doktor.

Cara menggunakan TERASIN TABLET

Berapa banyak harus diambil

Sila mengambil TERASIN TABLET mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

Dos permulaan yang disarankan: 1mg sebelum tidur.

Dos seterusnya:

-Tekanan darah tinggi

Dos yang disyorkan adalah 1-5mg, sekali sehari.

-Benign Prostatic Hyperplasia (BPH)

Dos yang biasa disyorkan ialah sebanyak 5 to 10mg , sekali sehari.

Bila perlu diambil

TERASIN TABLET perlu diambil sebelum tidur.

Berapa lama perlu diambil

TERASIN TABLET perlu diambil mengikut arahan doktor anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah mendekati masa untuk mengambil dos yang seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa, jangan mengambil dos yang berganda untuk mengantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihatkan oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan daripada doktor dengan segera.

Semasa menggunakan TERASIN TABLET

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda. Dinasihatkan memeriksa tekanan darah 2 hingga 3 jam selepas mengambil ubat ini supaya dapat menilai gejala seperti pening atau berdebar-debar. Jika TERASIN TABLET telah dihentikan selama beberapa hari atau lebih lama, ia perlu dimulakan semula dengan regimen dos permulaan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda ada/ingin mengambil ubat lain, sila beritahu doktor atau ahli farmasi. Jika anda perlu memandu atau mengoperasikan mesin, sila berhati-hati kerana kesan sampingan pengsan mungkin berlaku semasa pengambilan beberapa dos Terasin Tablet yang pertama.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan TERASIN TABLET adalah tekanan darah rendah (*hypotension*), lemah-lemah otot (*asthenia*), penglihatan kabur, pening, kesesakan hidung, loya, edema periferal (bengkak pada kaki, siku dan paha), palpitasi (denyutan jantung yang tidak normal), mengantuk dan mati pucuk. Biasanya, tindak balas tersebut adalah ringan atau sederhana tetapi kadangkala boleh mengganggu rawatan. Sekiranya, anda mengalami sebarang kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di sini, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→ Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan TERASIN TABLET

Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

Pelupusan

TERASIN TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Terasin Tablet 2mg:

Pil bulat berwarna kuning, kedua-dua belah ditandakan dengan bulatan di tengah dengan pangkah di tepi.



Terasin Tablet 5mg:

Pil bulat berwarna perang kemerahan, kedua-dua belah ditandakan dengan bulatan di tengah dengan pangkah di tepi.



Bahan –bahan kandungan

Bahan aktif-

Terazosin

Bahan tidak aktif-

Lactose

Sodium Starch Glycolate

Povidone

Magnesium Stearate

Talc

(Untuk Terasin 5mg sahaja):

Iron Oxide Red

Sunset Yellow Lake

(Untuk Terasin 2mg sahaja):

Quinoline Yellow

Sunset Yellow

Pengilang

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

13 Jun 2015

Nombor siri

BPK(R4/1)080115/00007

Nombor MAL

Terasin 2mg - MAL 07050027AZ

Terasin 5mg - MAL 07050026AZ